

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JUNE 2017

'Ketaatan jaminan keselamatan negara'

BH-13/6/2017 pg. 2

➔ Tanpa kesetiaan wujud kumpulan khianat kepada negara: PM

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, kesetiaan dan ketaatan atau walak kepada kepemimpinan negara adalah jaminan keselamatan negara ini.

Perdana Menteri berkata, tanpa kesetiaan, ketaatan atau walak itu maka wujud kumpulan yang mengkhianati negara seterusnya menggugat keselamatan rakyat.

"Penting prinsip walak dan kesetiaan ini kerana segala kejayaan tidak mustahil dapat dicapai dan pembangunan negara terus dapat dijalankan," katanya pada majlis Jalinan Ramadan 2017 bersama pasukan beruniform anjuran Wanita UMNO di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Sebanyak 11,500 bungkusan makanan diagihkan kepada 13 agensi

dan badan beruniform untuk anggota keselamatan yang bertugas pada Aidilfitri.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pertahanan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Perang Badar, Uhud

Perdana Menteri berkata, dalam sejarah Islam perang Badar dan Uhud ada pengajaran kepada umat Islam mengenai prinsip walak dan kesetiaan itu.

Katanya, tentera Islam menang pada perang Badar walaupun ketika itu mereka berpuasa dengan jumlah angkatan yang lebih kecil 313 orang berbanding musuh lebih 1,000 tentera.

"Berbeza dengan Perang Uhud pada bulan Syawal yang mana tentera Islam kalah kerana mereka tiada prinsip walak, tidak mendengar

arahan Rasulullah dan sibuk berebut harta peperangan," katanya.

Najib turut mengambil contoh peristiwa pencerobohan kumpulan pengganas Sulu yang menyerang Lahad Datu yang turut menyebabkan 10 orang terbunuh angkara sekumpulan anggota keselamatan yang mengkhianati rakan seperjuangan mereka.

"Masih segar di ingatan pada 9 Februari 2013 apabila sekumpulan orang Sulu masuk ke Lahad Datu. Apa yang berlaku apabila anggota kita sendiri mengkhianati dan memberi maklumat kepada musuh.

Keselamatan tergugat

"Jelas di sini apabila tiada walak atau ketaatan dan kesetiaan ini keselamatan kita akan tergugat dan terjejas. Ini pengajaran kepada kita," katanya

Najib berkata, beliau berterima kasih kepada pasukan keselamatan yang tetap setia dan taat terutama dalam memastikan kese-

lamatan negara terus terjamin.

"Tanpa pengorbanan anggota keselamatan ini kita mungkin tidak dapat menikmati kemanisan Ramadan menunaikan ibadat puasa dan solat Tarawih di masjid dalam keadaan aman," katanya.

Beliau berkata, langkah pencegahan yang diambil anggota keselamatan berjaya meletakkan Malaysia antara 30 negara utama daripada 164 negara dikategorikan sebagai negara yang aman.

"Melihat kepada serangan di beberapa negara menjadikan saya takut jika sesuatu akan berlaku. Tengok saja di televisyen serangan di London, Marawi (Filipina), Jakarta.... Alhamdulillah, setakat ini tidak berlaku di Kuala Lumpur kerana pasukan keselamatan mengambil langkah pencegahan.

"Nilai dan pengorbanan anggota keselamatan tidak sama dengan bungkusan yang kita beri hari ini. Pengorbanan mereka ini tiada nilainya," katanya.